

BELANJAWAN

Belanjawan merupakan perancangan kewangan bertujuan untuk melaksanakan dasar tertentu untuk mencapai objektif Universiti. Ianya dijeniskan mengikut kategori seperti emolumen, perkhidmatan & bekalan, aset, pemberian dan bayaran kenaan tetap serta perbelanjaan lain.

Berdasarkan Perlembagaan Universiti Malaya, Bahagian V (Peruntukan Kewangan)- "Adalah menjadi kewajipan mana-mana pegawai atau pegawai Universiti sebagaimana yang ditetapkan oleh statut untuk menyediakan, bagi pertimbangan Naib Canselor, anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi tiap-tiap satu tahun kewangan".



SUMBER PERUNTUKAN

GERAN KERAJAAN

Penyaluran peruntukan daripada Kementerian Kewangan kepada Universiti seperti:

- Emolumen
- Projek Pembangunan
- Projek Penyelidikan
- Lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh pihak Kementerian

PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI

Sumber peruntukan yang diperoleh daripada hasil penjanaan pendapatan sendiri oleh Universiti.

- Yuran Pelajar
- Yuran Seminar/Persidangan Sewaan Ruang
- Lain-lain Pendapatan



OPEX


- Menampung perbelanjaan operasi Universiti.
- Terdiri daripada Belanja Mengurus dan Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tiap Tahun (OCAR).
- **Belanja Mengurus** – kos yang ditanggung untuk menguruskan sesuatu aktiviti. Ia juga dikenali sebagai Kos Langsung kepada aktiviti/proses.

LAIN-LAIN PERBELANJAAN BERULANG

TIAP TAHUN (OCAR)- Perbelanjaan overhead berulang yang dikawal secara berpusat di bawah beberapa ptj pusat. Contohnya seperti elektrik, perbelanjaan berpusat, Perkhidmatan ICT dan lain-lain.

CAPEX

- Secara umum, ia merujuk kepada dana yang digunakan untuk memperoleh, menaik taraf dan menyelenggara aset fizikal seperti harta tanah, tumbuhan, bangunan, teknologi atau peralatan.
- Perbelanjaan modal dan perbelanjaan tidak berulang di bawah Rancangan Malaysia (RMK).



PROSES BELANJAWAN

